



## PEJABAT MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras 4, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7994 Faks: 03-8889 1411

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# KENYATAAN MEDIA

## MAKLUM BALAS BERKAITAN ISU UCAPAN DI MAJLIS ANUGERAH NADI NEGARA 2017

Ucapan saya disalah tafsirkan. Saya memberi sedikit huraian sejarah mengenai bangsa kita iaitu orang melayu. Sebelum 13 Mei 1969 memang Melayu amat mundur. Pelajar Melayu luar bandar khususnya begitu mundur dalam pelajaran. Ini kerana sekolah luar bandar banyak kekurangan. Akibatnya ramai tidak dapat masuk ke universiti. Malah pada awal 70-an, syarat masuk ke universiti diturunkan sekadar 2 *principal* dan 1 sub pun layak masuk univerisiti. Maka kuota ini dilaksanakan menggunakan Hak Keistimewaan Orang Melayu di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Namun ramai pelajar Melayu peringkat SPM tercicir malah peringkat STPM. Maktab Mara ditukar menjadi Institut Teknologi Mara (ITM) dan pelajar-pelajar Melayu SPM yang dapat Gred 3 pun diterima masuk ke ITM. Bahasa Inggeris langsung sifar. Tapi apabila diberi peluang dan kemudahan-kemudahan yang mencukupi, cuba lihat berapa ramai yang dapat PHD dan di peringkat profesional seperti ACA, ICMA, Kejuruteraan dan berpuluhan lagi. Malah ada pelajar Melayu dari UiTM yang *Top Of World* seperti dalam bidang ACA. Sekarang UiTM sudah menjadi Mutiara Bangsa dan Universiti MAYA dengan 13 cawangan seluruh negara dan mempunyai pelajar sekitar 170 ribu orang. Semua tahu setakat ini terdapat 600 ribu alumni UiTM.

Tahniah kepada Tan Sri Haji Arshad Ayub, beliau dikenali sebagai Bapa UiTM. TAPI APAKAH UiTM DAN KEHEBATAN PELAJAR MELAYUINI MENJADI KENYATAAN TANPA UMNO DAN BN? Hakikatnya UMNO dan BARISAN NASIONAL-lah yang merealisasikan kebangkitan bangsa Melayu yang dulu mundur atau *slow* akibat kemiskinan yang tegar. Begitu juga Maktab Rendah Sains Mara yang menempa kejayaan luar biasa. Lupakah kepada UMNO? Inilah yang saya cuba huraikan secara spontan melalui ucapan *off the cuff* yang mungkin tidak kemas penyampaiannya.

Jika ada kesilapan teknikal dari segi ucapan yang tidak disengajakan, itu adalah kelemahan yang ada pada semua manusia. Sama-sama kita tegakkan kehebatan bangsa Melayu kita seterusnya.

**DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN  
27 NOVEMBER 2017**